

## **PERLAKSANAAN DAN CABARAN PENGLIBATAN BELIA DALAM PARLIMEN BELIA MALAYSIA**

**(The implementation and challenges of youth engagement in  
Youth Parliament of Malaysia)**

Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad

### **ABSTRAK**

Belia merupakan populasi terbesar penduduk dunia masakini dan dijangkakan akan berlaku peningkatan sebanyak 1.3 bilion orang lagi menjelang tahun 2030. Oleh itu, belia harus mengetahui ruang di mana mereka boleh melaksanakan hak-hak sivik dan politik serta menyumbang kepada proses pembuatan keputusan yang memberi impak terhadap kehidupan mereka dan negara. Jadi sejauhmana Parlimen Belia Malaysia (PBM) menyediakan ruang untuk penyertaan belia dalam proses pembuatan keputusan ini? Kertas ini bertujuan meneliti pelaksanaan PBM, proses serta cabaran penglibatan belia dalam PBM. Data untuk kajian ini diperolehi melalui kaedah bancian terhadap perwakilan PBM sidang 2015-2016 yang berjumlah 133 orang disokong juga dengan temubual terhadap perwakilan dan sekretariat PBM. Pelaksanaan PBM menyediakan platform terbaik dalam menyuarakan pandangan belia, namun demikian terdapat beberapa cabaran yang terpaksa dihadapi iaitu kekurangan dana kewangan bagi pelaksanaan program atas kapasiti sebagai perwakilan, kekurangan perwakilan belia dalam institusi politik, kurangnya promosi dan hebahan, respon yang perlahan dan perspektif negatif golongan dewasa, fokus kepada jawatankuasa yang diwakili, masa/penjadualan dan kesediaan menggunakan pengaruh yang kuat. Antara cadangan yang boleh dipertimbangkan ialah meningkatkan promosi PBM, penambahan perwakilan belia, minimakan kawalan terhadap usul dan komitmen pelaksanaan dan pemberian maklumbalas. Sungguhpun demikian, dapat dirumuskan penyediaan platform yang membenarkan penglibatan belia dalam pembuatan keputusan memberi impak positif terhadap pembangunan kapasiti belia dan sumbangan kepada kerajaan.

**Kata kunci:** Parlimen Belia Malaysia, pembuatan keputusan, penyertaan belia, kerajaan, demokrasi

### **ABSTRACT**

*Youth is the largest population of today's world and is expected to increase by 1.3 billion by 2030. Therefore, youth should know the platform where they can involved in civic and political rights and contribute to the decision-making process that impacts their life and the country. So how far does the Malaysian Youth Parliament (PBM) provide a platform for youth participation in this decision-making process? This paper aims to examine the*

*implementation of PBM, processes and challenges of youth participation in PBM. The data for this study was obtained through a census method on the PBM delegation of the 2015-2016 summit of 133 people who were also supported by interviews with PBM delegates and secretaries. The implementation of the PBM provides the best platform in voicing the views of youth, but there are some challenges that need to be faced - the lack of financial funds for the implementation of capacity-building programs as representatives, lack of youth representation in political institutions, lack of promotion and encouragement, slow response and negative adult perspectives, focus on represented committees, timing/scheduling and willingness to use strong influence. Among the suggestions that can be considered is to increase the promotion of PBM, the addition of youth representatives, minimize control over the motion and commitment to implementation and the delivery of feedback. However, it is possible to formulate a platform that allows youth engagement in decision making to have a positive impact on the development of youth capacity and contribution to the government.*

**Keywords:** Malaysian Youth Parliament, decision-making, youth participation, government, democracy

## **PENGENALAN**

Penyertaan dan penglibatan aktif golongan belia dalam masyarakat dan amalan demokrasi adalah sangat penting sebagai tindak balas terhadap usaha memenuhi keperluan dan jaminan bahawa hak asasi mereka diiktiraf dan dikuatkuasakan (United Nation 2012). Penglibatan ini menawarkan keupayaan mereka untuk bercakap bagi pihak golongan belia yang lain dan melakukannya dalam cara yang boleh diterima dan memberikan kelebihan kepada mereka (Faulkner 2009). World Assembly of Youth (2015) melalui laporan “*Youth Participation In Decision Making*” mendapati bahawa penyertaan belia membawa kepada keputusan dan hasil yang lebih baik. Penyertaan dan kepimpinan belia bermakna golongan belia dan organisasi yang dipimpin mempunyai peluang, kapasiti dan mendapat manfaat daripada persekitaran yang diperlukan dan program berasaskan tujuan serta polisi di semua peringkat. Penyertaan aktif belia dalam membuat keputusan dan tindakan yang diambil di peringkat tempatan dan rangkaian seterusnya adalah asas penting jika kita mahu membina sebuah masyarakat yang menyeluruh dan lebih demokratik (Berisha, Shtraza & Hazizaj 2015).

Pengupayaan melalui penglibatan dan juga penyertaan belia merupakan petunjuk utama dalam program pembangunan belia. Penekanan terhadap penyertaan belia yang berkesan adalah dengan mewujudkan peluang untuk golongan belia terlibat dalam mempengaruhi, membentuk, mereka bentuk dan menyumbang kepada dasar dan pembangunan perkhidmatan serta program-program yang dilaksanakan kerajaan. Peluang-peluang ini dapat diwujudkan melalui pembangunan pelbagai mekanisma rasmi dan juga tidak rasmi untuk menarik penyertaan belia. Penerimaan pandangan dan cadangan daripada golongan belia oleh pihak kerajaan pada kebiasaannya adalah melalui medium rasmi yang diiktiraf. Jika dilihat pada konteks belia di Malaysia adalah melalui Majlis Perundingan Belia Malaysia (MPBN). Walau bagaimanapun, medium tersebut hanya melibatkan penyertaan golongan belia yang berpersatuan. Anggaran jumlah belia yang berpersatuan di Malaysia adalah berjumlah 2.7 juta orang (Pendaftar Pertubuhan Belia) berbanding populasi belia sebanyak 13.88 juta orang. Jumlah ini sudah pasti tidak akan menggambarkan keseluruhan suara belia di Malaysia. Parlimen Belia Malaysia (PBM)

merupakan inisiatif kerajaan hasil daripada Makmal Transformasi Belia 2010. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada golongan belia yang dikatakan sebagai pemangkin dan agen transformasi negara. Program ini menyediakan ruang dan peluang kepada golongan belia untuk menyerlahkan potensi sebagai pelapis kepimpinan masa hadapan dan menyokong teras strategik “Mendakap Aspirasi Belia” iaitu keterlibatan golongan belia secara menyeluruh iaitu tidak tertumpu kepada hanya belia berpersatuan tetapi mengambil kira keterlibatan belia yang tidak berpersatuan. Melalui cara ini, golongan belia bukan sahaja berpeluang menyuarakan pandangan malah ianya merupakan platform terbaik menonjolkan diri dan bakat bagi memastikan suara golongan muda didengari oleh kepimpinan negara (Turmadzi Madun 2016).

Kini, kerajaan melalui KBS telah menyediakan dua platform utama kepada belia untuk menyuarakan pendapat dan pandangan yang dibahaskan untuk menjadi usul kepada pihak kerajaan iaitu Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) dan PBM. Sejak pertama kali dilaksanakan bermula Januari 2015 hingga Januari 2017, PBM telah bersidang sebanyak enam kali bertempat di Dewan Rakyat Bangunan Parlimen Malaysia. Pelaksanaan penuh persidangan parlimen belia ini telah mengambil kira input persidangan secara percubaan yang dilakukan pada tahun 2012 (11 hingga 13 Mei 2012). Sehingga kini sebanyak 40 usul telah dibahas dan diluluskan oleh persidangan PBM.

Berdasarkan isu-isu yang dibentangkan, kertas ini meneliti sejauhmana PBM menyediakan platform dan ruang penyertaan belia dalam pembuatan keputusan dan cabaran yang dihadapi dalam usaha mereka untuk membangunkan potensi belia dan *platform* PBM itu sendiri.

## **PENGLIBATAN BELIA DALAM PEMBUATAN KEPUTUSAN**

Penyertaan golongan belia dalam pembuatan keputusan merupakan sebahagian proses pembelajaran. Kajian yang dilaksanakan oleh Rickett dan Sheppard (1988) berkaitan pembuatan keputusan dan orang muda mendapati pengajaran berkaitan pembuatan keputusan merupakan sebahagian daripada program pendidikan. Melalui latihan, pengetahuan tentang fakta, pengaruh sosial serta pilihan tingkahlaku akan dipertimbangkan dan dipaparkan sebagai elemen pembuatan keputusan. Kepelbagaian tugas wujud dan diperlukan di dalam ruang yang menghubungkan proses pembuatan keputusan dengan keputusan sebenar yang diambil. Kajian tersebut mendapati perbezaan persepsi pembuatan keputusan oleh orang muda bergantung kepada faktor umur dan perkara ini perlu diambil kira dalam merekabentuk program yang melibatkan komponen pembuatan keputusan. Wujudnya elemen pertolongan dalam pengajaran dan pembelajaran (antara golongan belia dan orang dewasa) di mana setiap kumpulan umur ini melihat diri mereka sebagai sumber unik dan menawarkan apa yang boleh diberi kepada yang lain

Menurut Zeldin et al. (2000) golongan belia mempunyai kesan yang kuat dan positif terhadap orang dewasa dan organisasi walaupun ianya tidak berlaku pada setiap masa. Melibatkan belia dalam membuat keputusan pada keadaan dan tempat yang sesuai adalah merupakan satu strategi berkesan untuk perubahan yang positif. Pandangan ini dapat disokong oleh dapatan Faulkner (2009) melalui kajian terhadap penyertaan belia dalam pembuatan keputusan projek awam di Scotland yang mendapati sumbangan golongan belia boleh ditawarkan dalam proses pembuatan keputusan golongan dewasa melalui keupayaan mereka untuk bercakap mewakili golongan mereka dan melakukannya dengan cara serta kaedah yang boleh diterima.

Penyertaan dalam pembuatan keputusan juga merupakan satu proses pendaupayaan “*Empowerment*” yang menawarkan pelbagai manfaat di semua peringkat organisasi yang

membawa kepada keharmonian dalam dan meningkatkan semangat kakitangan dan sokongan dalam organisasi (Muindi 2011). Pendayaupayaan merupakan satu proses di mana individu atau kumpulan mengaplikasikan kemampuan dan kapasiti mereka bagi memahami dan mentafsir masalah dan kehendak yang diterjemahkan dalam bentuk tindakan melalui penyertaan aktif. Kajian oleh Cohen, Manolson dan Shaw (2014) menyokong pernyataan tersebut. Pembuatan keputusan yang diterajui belia memberikan hasil akhir (*outcome*) berbanding proses. Kesan pendayaupayaan (*empowerment*) kepada golongan belia berjaya diwujudkan untuk membolehkan golongan belia belajar tentang diri sendiri (peningkatan keyakinan diri) dan mengambil berat tentang orang lain. Berlakunya pemindahan kemahiran dan perolehan perspektif yang memberikan kredibiliti dan legitimasi kepada belia. Kenyataan ini menyokong dapatan Khairunesa dan Mohamed Azrul Syam (2011) yang menyatakan penyertaan golongan belia membolehkan berlakunya proses pertukaran fikiran dan idea baru, peningkatan daya saing, memudahkan proses interaksi, pembangunan sendiri (peningkatan keyakinan, kepercayaan, kepimpinan dan bakat) dan pembangunan sosial (memperoleh rakan baru serta semangat berpasukan). Kapasiti pemikiran kritikal belia hampir sama dengan golongan dewasa tetapi prosesnya lebih ketat dalam membuat andaian mengenai apa yang mereka sudah tahu. Proses yang berlaku menyumbang kepada perubahan persepsi masyarakat ke atas belia yang menjadikan komuniti bersifat lebih terbuka terhadap potensi belia sebagai ahli yang memberi sumbangan (Cohen, Manolson & Shaw 2014).

Pendayaupayaan ini boleh dilihat dari dua dimensi iaitu sebagai proses mahupun hasil ataupun produk. Sekiranya pendayaupayaan dilihat sebagai hasil, ia mudah dianggap sebagai satu yang "*tangible*" yang dapat dilihat, disentuh dan dikira. Sebaliknya jika pendayaupayaan didefinisikan sebagai "proses", ia sering dianggap sebagai elemen yang bukan "*tangible*" seperti peningkatan dalam pengalaman dan pengetahuan individu sepanjang penglibatan mereka (Fauziah Ani et al. 2016). Melihat kepada konteks ini, pernyataan tersebut boleh dikaitkan dan jelas menunjukkan bahawa peranan dan penglibatan belia dalam pembuatan keputusan yang memberi kesan kepada mereka adalah sangat digalakkan serta memberi impak terhadap pembangunan golongan belia itu sendiri.

Golongan belia didapati sering meluahkan perasaan mereka dan membawa perspektif baru kepada organisasi yang membuat keputusan. Golongan ini merupakan penghubung kepada golongan belia lain dengan membawa pengetahuan dan minat utama mereka, kebimbangan, ketakutan dan keinginan. Sumbangan bersama belia dan orang dewasa mewujudkan sinergi, kuasa baru dan tenaga serta inovasi dan juga produktiviti yang menggerakkan kumpulan membuat keputusan.

Golongan belia membawa pelbagai ciri-ciri pembangunan dan sosial dalam aspek pembuatan keputusan yang dapat meningkatkan keberkesanan organisasi. Youth Coalition of The Act (2010) menyatakan penyertaan memberikan golongan belia peluang untuk mempunyai suara tentang apa yang penting kepada mereka, membolehkan mereka untuk membuat keputusan sendiri mengenai kehidupan mereka, meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran serta memberi kuasa kepada mereka. Penyertaan ini hendaklah bermakna dan hanya boleh berlaku apabila generasi belia cukup bersedia dan penglibatan mereka disokong dengan cara penglibatan yang dihargai, kepercayaan ke atas tujuan kerja yang dilakukan, melihat perubahan yang berlaku serta diberikan maklumbalas yang diperlukan.

Cohen, Manolson & Shaw (2014) dalam kajian berkaitan pembuatan keputusan yang diterajui belia di Kanada mendapati bahawa golongan ini mempunyai keutamaan terhadap keputusan berdasarkan *consensus* (persetujuan). Penglibatan langsung dalam proses pembuatan keputusan yang diterajui belia memberikan pengalaman terbaik dan

faedah serta merta kepada belia dan komuniti secara keseluruhannya menerima impak yang positif. Proses tersebut dapat dilakukan dengan penyediaan ruang yang sesuai dan panduan secukupnya oleh golongan dewasa tanpa kawalan diberikan. Proses pembuatan keputusan oleh golongan belia didasari oleh prinsip kerja berpasukan, inklusif (ambil berat semua pandangan) dan menilai perbezaan pandangan (mengamalkan pemikiran kritikal dan terlibat secara aktif dalam proses dan analisis maklumat).

Beberapa negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menubuhkan program untuk membawa suara belia kepada pihak kerajaan. Penglibatan belia lelaki dan wanita dalam proses perancangan dan penggubalan dasar di semua peringkat telah memainkan peranan yang penting bagi memastikan hak dan suara mereka didengari, perkongsian pengetahuan antara generasi dan inovasi serta pemikiran kritikal digalakkan di semua peringkat umur dalam menyokong transformasi kehidupan masyarakat. Generasi belia didapati memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada diri dan masyarakat apabila diberi kuasa dan mereka mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan (Youth Coalition of The Act 2010).

Pelbagai isu telah dibincangkan oleh pihak kerajaan, masyarakat awam dan pertubuhan bukan kerajaan pada peringkat antarabangsa mengenai pengupayaan belia melalui usaha kemasukan dan penyertaan dalam pembuatan keputusan (Lahai 2008). Ini kerana kurangnya kesedaran dan usaha untuk mengenalpasti minat belia serta memastikan perwakilan mereka dalam proses pembuatan keputusan. Kajian yang dilakukan oleh Lahai (2008) bermatlamat untuk menyumbang usaha advokasi dan menarik perhatian pemegang taruh di Sierra Leone secara khusus dan dunia secara umumnya terhadap keperluan menggalakkan penyertaan efektif golongan belia dalam proses pembuatan keputusan utama di mana selama ini ahli-ahli politik telah memberikan sumbangan yang ketara. Penglibatan golongan ini boleh berada di semua peringkat bermula daripada keluarga, komuniti tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa. Salah satu model penyertaan belia yang menjadikan golongan belia lebih aktif adalah majlis belia dan parlimen belia. Di beberapa buah negara, golongan belia telah terlibat dalam pembangunan struktur politik demokrasi bersama golongan dewasa dan menyediakan peluang untuk menyatakan pendirian serta mempengaruhi aspek ekonomi, sosial mahupun agenda politik (United Nation 2003).

Parlimen belia merupakan program pembangunan politik yang memberi kuasa kepada golongan belia untuk menjadi jurucakap kepada komuniti dalam aspek pembangunan peribadi dan kepimpinan belia. Ia juga merupakan platform yang menghubungkan pendapat dan suara belia dengan ahli-ahli politik dan pembuat keputusan. (United Nation 2003). Pemilihan anggota ataupun perwakilan dilaksanakan secara demokrasi untuk mewakili pandangan belia di kawasan yang diwakili. Organisasi ini menyokong usaha inovatif oleh belia dengan menyediakan sumber asas dan platform bagi pelaksanaan inisiatif dan projek yang diminati berkaitan isu-isu sosio-budaya, ekonomi, undang-undang dan alam sekitar melalui penyertaan bermakna dan kempen-kempen yang dilaksanakan (UK Youth Parliament 2016).

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan bancian terhadap populasi PBM Sidang 2015-2016 yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program Parlimen Belia Malaysia. Keterlibatan keseluruhan 133 orang ahli perwakilan PBM telah disasarkan dalam pelaksanaan kajian ini. Namun jumlah sebenar responden yang terlibat dan memberi maklumbalas adalah seramai 104 orang. Temubual juga dilakukan terhadap Pegawai Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (R2) yang terlibat dalam menyelaras pelaksanaan PBM. Pendekatan ini akan

memberi fokus bagi mendapatkan maklumat berkaitan keberkesanan program yang dijalankan. Selain itu, informan daripada perwakilan PBM (R1) juga digunakan bagi memperkukuhkan maklumat yang membantu dalam memenuhi objektif kajian. Pemerhatian juga dilakukan untuk merekod dan melihat proses perbahasan dalam PBM. Pemerhatian telah dilakukan pada Persidangan PBM Sidang III 2016 yang berlangsung di Dewan rakyat Bangunan Parlimen Malaysia pada 24 hingga 25 Januari 2017.

## **PERBINCANGAN**

Selaras dengan keperluan hala tuju dan cara baru serta perubahan minat golongan muda masa kini yang lebih berasaskan penggunaan teknologi dan penyertaan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengenalpasti prinsip transformasi dengan memberi penekanan kepada Generasi Y (Gen Y) yang terdiri daripada golongan belia yang berumur antara 11 hingga 29 tahun. Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia dalam mesyuarat pada 3 Ogos 2010 telah bersetuju supaya Kementerian Belia dan Sukan melaksanakan Makmal Transformasi Pembangunan Belia selama enam minggu bermula 1 November hingga 10 Disember 2010. Hasil daripada pelaksanaan makmal tersebut, Rangka Kerja Makmal (inisiatif) yang dijangka akan dapat melahirkan belia yang ideal menjelang tahun 2020 telah dihasilkan (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia 2011).

Sehubungan itu, PBM ditubuhkan sebagai platform kepada belia untuk berbincang dan memberi pandangan agar pemerksaan belia dapat dicapai. Menurut Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2015) PBM berperanan sebagai platform untuk belia menyuarakan idea dan pandangan. Pewujudan PBM ini hampir menyamai Parlimen Belia di 33 buah negara seperti kebanyakan negara-negara maju dan membangun seperti Australia, United Kingdom, New Zealand, Timor Leste, Filipina, Bangladesh dan di beberapa negara Eropah. Berdasarkan jumlah persatuan belia yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia Malaysia (ROY) hanya 20% daripada populasi belia Malaysia terlibat dalam persatuan belia. Oleh itu, PBM ini juga diwujudkan bagi memberi peluang kepada 80% belia yang bukan ahli persatuan belia untuk memberi pandangan terhadap pembangunan belia negara mewakili belia peringkat akar umbi.

PBM merupakan platform berbeza bagi menyuarakan suara belia berbanding kaedah pelaksanaan Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang telah diwujudkan sejak tahun 1971 sebagai satu forum ala “Parlimen Belia” bagi membincangkan pendekatan, isu serta aktiviti pembangunan belia negara. Secara amnya, pelaksanaan PBM adalah bertujuan untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan muda yang berkaliber dan berwibawa sejajar dengan keperluan negara masa kini dan masa hadapan. Secara spesifik, objektif PBM adalah seperti berikut:

- meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan di kalangan generasi Y demi penerusan kepimpinan negara jangka panjang;
- sebagai pendedahan kepada belia bagaimana proses undang-undang dibuat serta memahami sistem pentadbiran negara; dan
- mengenal pasti tren belia untuk disesuaikan dengan pembentukan polisi pentadbiran negara.

Pada 6 hingga 10 September 2011, Kementerian Belia dan Sukan telah menghantar seorang pegawai dan wakil belia Malaysia untuk menghadiri The 4th Commonwealth Youth Parliament (CYP), di London anjuran Commonwealth Parliament Association (CPA) bagi mendapatkan maklumat dan gambaran mengenai format pelaksanaan Parlimen Belia

United Kingdom. Penyertaan wakil pegawai dan belia tersebut telah memberikan input dalam merangka konsep, format persidangan, peraturan, jenis usul atau isu yang boleh dibahaskan, tempoh masa persidangan dan had usia perwakilan. Maklumat serta cadangan yang diperolehi susulan daripada penyertaan persidangan tersebut diangkat ke pengetahuan pengurusan tertinggi kementerian dan digunakan dalam gerak kerja susulan dalam merealisasikan pelaksanaan PBM.

Persidangan percubaan telah melibatkan penyertaan seramai 211 orang belia yang dipilih secara rawak daripada pelbagai latar belakang bagi mewakili 222 kawasan parlimen. Persidangan percubaan yang dilaksanakan memberi input mengenai kesungguhan dan komitmen perwakilan. Melalui persidangan percubaan tersebut beberapa isu telah dikenalpasti untuk ditambahbaik seperti masa persidangan yang terhad dan susun atur persidangan yang tidak mengikut spesifikasi sebenar sehingga menyukarkan proses perbahasan dan menimbulkan kesukaran kepada Yang Dipertua Dewan dan Timbalan Yang Dipertua Dewan untuk mengenalpasti perwakilan yang mengemukakan usul. Susulan itu pihak Kementerian mengambil komitmen sepenuhnya bagi merealisasikan pelaksanaan program ini bertempat di Bangunan Parlimen Malaysia selaras dengan imej yang dibawa. Persidangan ini juga memberi input kepada aspek keterlibatan dan kesungguhan perwakilan mengambil bahagian dalam perbahasan.

Pelaksanaan persidangan percubaan juga memberi input berguna terhadap penambahbaikan aspek pentadbiran PBM di mana tiada jawatan bayangan sebagai Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri. Kesemua perwakilan disebut perwakilan PBM dan sesi perbahasan diselia oleh Tuan Yang Dipertua Dewan (Ahli Parlimen Malaysia yang dilantik oleh Speaker Dewan Rakyat). Perwakilan belia yang terlibat mencadangkan agar usul-usul yang dibincangkan oleh perwakilan adalah berdasarkan resolusi atau cadangan dan bukan berbentuk rang undang-undang yang akhirnya dapat dibawa kepada pihak kerajaan beserta hansard sebagai sokongan untuk dipertimbangkan.

Parlimen Belia Malaysia telah diputuskan untuk dilaksanakan mengikut acuan dan kaedah yang bersesuaian dengan norma, budaya serta undang-undang Malaysia. Pelaksanaan program ini akan menggunakan format pra persidangan, persidangan dan pasca persidangan. Pelaksanaan penuh program ini yang bermula pada tahun 2015 adalah setelah mengambil kira proses pemantapan program, pertukaran kepimpinan kementerian serta komitmen kerajaan dalam melaksanakan segala inisiatif yang dirancang oleh Makmal Transformasi Pembangunan Belia bagi memenuhi jangkaan dan harapan generasi belia masa kini. Promosi mengenai pelaksanaan program Parlimen Belia Malaysia ini telah dilaksanakan pihak kementerian bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan bagi menarik minat golongan belia mendaftar sebagai pemilih dan menimbulkan kesedaran mengenai platform baru yang diwujudkan oleh pihak kerajaan kepada golongan belia. Selain promosi secara turun padang, maklumat mengenai pelaksanaan program ini turut dibuat secara online melalui laman web rasmi 1.

Proses pemilihan perwakilan PBM adalah menerusi menerusi dua kaedah iaitu pengundian atas talian menggunakan sistem (e-PBM) dan lantikan oleh YB.Menteri Belia dan Sukan. Golongan belia Malaysia yang berumur 15 hingga 40 tahun boleh mengambil bahagian dalam pemilihan perwakilan dengan syarat mereka perlu mendaftar dalam Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM) di <https://epbm.parlimenbelia.gov.my> dan akan berperanan sebagai pemilih kepada perwakilan Parlimen Belia Malaysia.

Proses pengundian secara *electoral vote* ini dibuat setelah mengambil kira input persidangan percubaan dan juga berlakunya ketidakseimbangan populasi. Penggunaannya diputuskan oleh YB.Menteri Belia dan Sukan dan struktur sistem tersebut telah diaudit oleh

firma pengauditan luar yang dilantik iaitu Binder Dijker & Co (BDO). Calon-calon perwakilan PBM adalah mereka yang berusia 18 hingga 30 tahun dan memenuhi kriteria utama seperti berikut;

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur 18 - 30 tahun semasa memohon.;
- iii. Memiliki kualiti kepimpinan, penglibatan dan hubungan aktif dalam program komuniti;
- iv. Tidak disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam tempoh 3 tahun sebelum menjadi calon;
- v. Tidak muflis;
- vi. Fasih berbahasa Melayu (persidangan adalah dalam Bahasa Melayu);
- vii. Berkemampuan untuk berkomunikasi dengan jelas dan mendedahkan fikiran serta idea- idea dalam cara yang koheren
- viii. Berdaftar di dalam Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM);
- ix. Mewakili negeri seperti alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan;
- x. Mempunyai seorang pencadang untuk mencalonkannya sebagai seorang;
- xi. APBM bagi negeri yang ingin diwakili (pencadang mestilah beralamat di negeri yang sama dengan calon dan berdaftar didalam Sistem e-PBM); dan
- xii. Mempunyai 5 orang penyokong yang berumur 15-40 tahun dari negeri yang ingin diwakili (penyokong mestilah beralamat di negeri yang sama dengan calon dan berdaftar didalam Sistem e-PBM).

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia 2015.

Calon-calon perwakilan yang berjaya dalam pencalonan dan tapisan keselamatan yang telah ditetapkan dibenarkan untuk berkempen selama 14 hari. Kempen-kempen yang dijalankan dalam bentuk bersemuka dan juga secara atas talian. Calon-calon dibenarkan membuat poster ataupun *banner* yang mengikut peraturan ditetapkan bagi tujuan meraih sokongan pengundi belia negeri yang akan diwakili. Usaha dan kempen-kempen yang dibuat adalah atas peruntukan dan tanggungan sendiri oleh calon-calon yang terpilih. Proses pengundian calon-calon oleh pemilih pula adalah dalam tempoh seminggu selepas tempoh kempen berakhir.

Pemilihan bagi Penggal 2015-2016 ini adalah seramai 120 orang berdasarkan taburan kepadatan populasi belia setiap negeri dengan rasional seorang perwakilan mewakili 100,000 orang belia (1:100,000) dan lantikan tambahan seramai 13 orang oleh YB. Menteri Belia dan Sukan dibuat atas keperluan semasa yang diperlukan bagi mengimbangi polarisasi kaum dan keperluan bagi golongan OKU yang perlu diberi ruang dan platform yang sama. Kaedah pemilihan 120 perwakilan PBM ini dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian melalui Sistem Pemilihan Ahli Parlimen Belia Malaysia (e-PBM).

Daripada segi proses perlaksanaannya, keterlibatan belia berlaku dalam kesemua kitaran proses pembuatan keputusan yang ingin +terutama di dalam empat peringkat utama. Proses pembuatan keputusan berpandukan Model Rasional melibatkan lima peringkat iaitu pengenalpastian masalah, penjanaan potensi penyelesaian, pemilihan alternatif, melaksanakan pilihan dan menilai keberkesanan. Proses pengenalpastian masalah berlaku di dalam pelaksanaan PBM pada peringkat pra persidangan iaitu pengenalpastian usul yang wajar untuk dibahaskan. Pada peringkat ini para perwakilan



telah diberikan peluang dan ruang bagi mengemukakan usul dan mengenalpasti usul yang wajar untuk dibahaskan.

Pengenalpastian usul ini melibatkan penerimaan input-input daripada belia diwakili. Penekanan terhadap aspek kefahaman terhadap usul yang dicadangkan juga penting pada peringkat ini. Kajian menunjukkan kuasa telah diberikan kepada perwakilan bagi mengenalpasti isu ataupun pandangan yang hendak disuarakan. Pemberian kuasa untuk terlibat mengenalpasti keperluan ini menyokong kenyataan Chege (2011) bahawa penyertaan bermaksud kuasa diberikan bagi mengenalpasti keperluan mereka, menganalisis keperluan tersebut dan membuat keputusan mengikut keperluan sebagai satu kumpulan kolektif. Proses ini membenarkan pengumpulan maklumat-maklumat yang diperlukan tanpa mengambilkira sama ada usul tersebut akan dipilih untuk dibahaskan.

Proses menjana potensi penyelesaian didapati berlaku pada peringkat pra persidangan dan persidangan dengan membolehkan perbincangan dan cadangan dikemukakan terhadap usul perbahasan. Pada peringkat ini perwakilan dibenarkan memberi cadangan terhadap usul yang akan dibahaskan dan dipilih untuk dibahaskan. Peringkat ini didapati telah membenarkan ruang bagi penjana intelektual oleh perwakilan melalui fakta-fakta dan maklumat terkini dikemukakan terhadap usul yang dibahaskan. Proses ini membolehkan pertimbangan terbaik terhadap usul dan cadangan yang dibahaskan. Proses ini menepati apa yang dinyatakan Hannson (1994) bahawa fasa ini membenarkan cadangan alternatif pilihan dan kesan tindakan terhadap keputusan yang akan dibuat. Sesi perbahasan dan celahan oleh perwakilan membuktikan bahawa proses ini dilalui oleh para perwakilan.

Pelaksanaan program PBM ini turut membenarkan proses memilih alternatif penyelesaian berlaku pada peringkat pra persidangan dan persidangan dengan membolehkan pengundian dan pemilihan terhadap usul-usul perbahasan. PBM sebagai medium yang mengangkat suara belia sudah tentu sarat dengan usul ataupun cadangan yang hendak dibawa kepengetahuan pihak kerajaan. Sesi pra-persidangan telah membenarkan kesemua jawatankuasa yang ditubuhkan mengemukakan usul serta cadangan untuk dibahaskan. Peringkat ini membenarkan pilihan terhadap isu-isu utama yang dikenalpasti dan akan diperbahaskan. Ini selari dengan kenyataan Hansson (1994) bahawa fasa ini membolehkan penilaian dibuat terhadap proses pengenalan masalah yang berlaku dan alternatif pilihan yang dibuat serta hasil akhir peringkat ini adalah keputusan yang menjadi pegangan. Justeru mekanisme pemilihan terhadap usul-usul tersebut dilalui oleh perwakilan melalui sesi pengundian pemilihan dan penerimaan ataupun penolakan usul yang dibahaskan. Analisis kajian juga menunjukkan bahawa persidangan PBM telah membenarkan kesemua usul daripada Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan dibahaskan dan penerimaan pihak kerajaan dibuat melalui pembentangan Nota Jemaah Menteri oleh Menteri Belia dan Sukan pada Mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia.

Analisis kajian telah mendapati bahawa proses melaksanakan pilihan di dalam pelaksanaan PBM berlaku pada peringkat pasca persidangan. Didapati kuasa pelaksanaan usul adalah di bawah bidang kuasa kerajaan dan perwakilan diberi maklumbalas dan peluang bersama-sama menjayakan usul perbahasan yang diluluskan. Proses ini membenarkan tindakan dibuat terhadap usul yang diluluskan pada sesi perbahasan. Penerimaan dan pelaksanaan usul yang diluluskan memainkan peranan penting kerana disini merupakan antara aspek penentu sejauhmana penerimaan pihak kerajaan terhadap penglibatan golongan belia dalam proses pembuatan keputusan negara. Status maklumbalas bagi usul persidangan PBM 2015 menunjukkan usul-usul yang dicadangkan

dipertimbangkan dan langkah berterusan dibuat bagi merealisasikan pelaksanaan usul berkenaan. Penekanan terhadap aspek maklumbalas didapati perlu diberi perhatian.

Fasa akhir dalam proses pembuatan keputusan yang dikaji menunjukkan proses menilai keberkesanan pilihan di dalam pelaksanaan PBM berlaku pada peringkat pasca persidangan pada kadar yang paling rendah di antara lain-lain peringkat dalam kitaran proses pembuatan keputusan yang dilalui. Majoriti responden bersetuju bahawa usul-usul yang dicadangkan merupakan cadangan dan pilihan terbaik yang dibuat oleh perwakilan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Walau bagaimanapun didapati aspek maklumbalas, peluang untuk menilai tindakan yang diambil kerajaan dan perbahasan semula terhadap usul berada pada tahap sederhana. Maklumbalas pelbagai diperolehi daripada responden kajian. Proses pembuatan keputusan berdasarkan model rasional memerlukan aspek penilaian dibuat terhadap tindakan dan keputusan yang dibuat bagi melihat keberkesanan pilihan tindakan daripada proses-proses yang dilalui. Penekanan terhadap penglibatan dalam keseluruhan rangkaian proses pembuatan keputusan ini juga disokong oleh kajian Chege (2011) yang mengatakan bahawa penyertaan aktif golongan belia melibatkan keseluruhan kitaran proses pembuatan keputusan. Perwakilan seharusnya diberi peluang untuk lebih terlibat secara aktif dalam proses ini bagi memastikan keputusan yang dibuat (usul yang diluluskan) adalah benar-benar berkesan dalam menangani permasalahan ataupun isu yang bersandarkan kepada perspektif dan suara generasi belia.

Keberkesanan sesuatu program dan cabaran yang dihadapi merupakan aspek yang juga harus diberi penekanan untuk membolehkan masyarakat dan pihak kerajaan melihat impak dan sumbangan yang diberikan serta membolehkan penambahbaikan bagi kelangsungan pelaksanaan program. Jadual 1 merupakan antara cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan PBM.

Jadual 1: Cabaran penglibatan dalam pembuatan keputusan PBM

Bil	Cabaran	Kekerapan dan Peratusan					Min
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
1	Kekurangan dana kewangan melaksanakan program atas kapasiti sebagai perwakilan PBM bersama golongan belia negeri yang diwakili	2 (1.9%)	6 (5.8%)	8 (7.7%)	37 (35.6%)	51 (49.0%)	4.24
2	Belia masih kurang perwakilan yang	3 (2.9%)	2 (1.9%)	17 (16.3%)	46 (44.2%)	36 (34.6%)	4.06

	secukupnya dalam institusi politik						
3	Respon yang perlahan daripada golongan dewasa	1 (1.0%)	5 (4.8%)	22 (21.2%)	43 (41.3%)	33 (31.7%)	3.98
4	Promosi kurang dilakukan bagi mewarwarkan kewujudan PBM	1 (1.0%)	3 (2.9%)	23 (22.1%)	48 (46.2%)	29 (27.9%)	3.97
5	Memberi fokus kepada jawatankuasa yang diwakili	0 (0%)	3 (2.9%)	25 (24.0%)	50 (48.1%)	26 (25.0%)	3.95
6	Masa/penjadualan persidangan yang ditetapkan oleh sekretariat	6 (5.8%)	3 (2.9%)	28 (26.9%)	42 (40.4%)	25 (24.0%)	3.74
7	Persepsi negatif masyarakat dewasa terhadap usul yang dicadangkan	3 (2.9%)	9 (8.7%)	25 (24.0%)	43 (41.3%)	24 (23.1%)	3.73
8	Kesediaan menggunakan sepenuhnya pengaruh yang kuat	4 (3.8%)	8 (7.7%)	30 (28.8%)	38 (36.5%)	24 (23.1%)	3.67
9	Pengangkutan menghadiri persidangan	4 (3.8%)	12 (11.5%)	23 (22.1%)	41 (39.4%)	24 (23.1%)	3.66
10	Wujud kawalan oleh pihak berkuasa	1 (1.0%)	12 (11.5%)	33 (31.7%)	35 (33.7%)	23 (22.1%)	3.64
11	Had usul yang boleh dibahaskan	4 (3.8%)	10 (9.6%)	30 (28.8%)	38 (36.5%)	22 (21.2%)	3.62
12	Kewujudan aspek eksklusif/pilih lantik dalam pelaksanaan PBM	8 (7.7%)	10 (9.6%)	28 (26.9%)	36 (34.6%)	22 (21.2%)	3.52
13	Pengalaman dan pengetahuan yang terbatas	4 (3.8%)	18 (17.3%)	30 (28.8%)	32 (30.8%)	20 (19.2%)	3.44
14	Kouta penyertaan yang dihadkan	7 (6.7%)	14 (13.5%)	35 (33.7%)	34 (32.7%)	14 (13.5%)	3.33
Min Keseluruhan							3.75

Seramai 51 orang (49%) responden sangat setuju dan 37 orang (35.6%) setuju bahawa kekurangan dana kewangan bagi melaksanakan program atas kapasiti sebagai perwakilan PBM bersama golongan belia negeri yang dihadapi merupakan cabaran utama yang dihadapi. Pelaksanaan program bersama belia akar umbi dilihat penting untuk membolehkan perkongsian maklumat dan perolehan isu serta permasalahan yang perlu disampaikan kepada kerajaan diperolehi daripada peringkat akar umbi. Pelaksanaan program ini juga merupakan sebahagian daripada program PBM. Walau bagaimanapun, berdasarkan temubual bersama-sama R1 dan R2, situasi ini berlaku adalah disebabkan oleh prosedur kewangan yang ditetapkan. Peruntukan telah ada disediakan untuk perwakilan, namun perlu memenuhi tatacara perolehan kewangan kerajaan dan ini dilihat memberi sedikit kesukaran kepada perwakilan.

“..setakat isu berkaitan dana kewangan saya rasa itu takde masalah... banyak perkara yang kita boleh buat walaupun dengan takde de duit... takkan la nak bagi ceramah kat sekolah tak boleh.. Apa salahnya... masalahnya bantuan kewangan ada tapi orang tak mintak, takde mintak dah ada tak mintak-mintak” (R1)

“Bajet ada... cuma diaorang rasakan tatacara kewangan kita tu menyusahkan... so itu yang sebabkan diorang malas nak mintak. kita dah allocatekan. Bila kita bagi guideline pembekal kena ade MOF, *request* LO... tu yang diorang malas nak mintakla... kita kena audit bendatu... Kita terikat dengan peraturan kedudukan penjawat awam dan peraturan sedia ada” (R2)

Analisis juga mendapati seramai 46 orang (44.2%) bersetuju bahawa golongan belia masih lagi kekurangan perwakilan yang secukupnya dalam institusi politik. Definisi politik itu sendiri adalah berkaitan proses dan cara pembuatan keputusan. Pelaksanaan PBM merupakan langkah bagi menggalakkan penyertaan belia dalam politik dan bersandarkan kepada populasi belia dilihat belum dapat memenuhi sasaran perwakilan yang secukupnya. Jumlah perwakilan seramai 133 orang dilihat perlu dipertingkatkan kepada sekurang-kurangnya 222 orang seperti perwakilan Dewan Rakyat sebenar bagi membolehkan lebih ramai suara belia yang terlibat dalam proses membawa suara belia kepada pihak kerajaan. Pertambahan ini juga perlu seiring dengan pertambahan jumlah populasi belia sesebuah negeri. Temubual bersama R2 mendapati aspek ini telah diberikan penekanan oleh pihak sekretariat.

“Tahun ini perwakilan kita tambah ikut kuota belia *by* negeri... jumlah belia negeri tu bertambah... kita tambah la lagi sorang ke dua... ade lagi lantikan menteri” (R2).

Promosi kurang dilakukan bagi menghebahkan kewujudan PBM sebagai platform penglibatan belia dalam pembuatan keputusan dan aspek promosi ini dilihat memberi kesan terhadap penyertaan belia. Pandangan ini disebabkan promosi berkaitan PBM hanya dilakukan semasa proses pendaftaran pemilih, pencalonan dan sesi perbahasan yang berlangsung. Promosi pada masa proses tindakan terhadap usul yang diluluskan kurang diberi perhatian. Aspek promosi dilihat penting bagi mengangkat peranan yang dimainkan oleh perwakilan. Berdasarkan pemerhatian promosi yang dilakukan adalah berdasarkan saluran sedia ada seperti media cetak, elektronik dan media sosial baru seperti aplikasi *facebook* dan ianya berdasarkan peruntukan yang ada. Kerjasama sekretariat dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri-negeri telah dibuat bagi menyebarkan maklumat mengenai PBM beserta usaha pendaftaran pemilih-pemilih baru. Kekurangan aspek sumber manusia dan peruntukan kewangan dilihat membataskan untuk promosi yang lebih meluas dilakukan.

“Bagi saya *simple* je...dalam hal Parlimen Belia Malaysia ni dah elok banyak dah cuma tinggal lagi promosi kena gandakan...Promosi perlu digandakan supaya lebih ramai orang mendaftar sebagai pengundi ataupun pemilih. Promosi perlu gandakan tapi saya tau kekangan dia *simple* je duit” (R1)

“Promosi untuk yang baru memang tak cukup kakitangan nak *catter* untuk segenap lapisan belia sebenarnya kalau kita betul-betul *catter* mungkin..”(R2)

Berkenaan dengan respon yang diterima, seramai 43 orang responden (41.3%) bersetuju dan 33 orang (31.7%) sangat setuju bahawa respon yang perlahan diterima daripada golongan dewasa. Dapatan ini menunjukkan bahawa perwakilan belia masih menganggap bahawa walaupun komitmen dan pandangan telah diberikan, penerimaan golongan dewasa dilihat berada pada tahap yang perlahan. Respon yang perlahan berkemungkinan disebabkan kedudukan perwakilan yang berada di dalam sebuah program yang dirangka khusus bagi menggalakkan penyertaan dan berorientasikan kepada pembangunan belia dimana masih lagi terdapat prosedur dan *standard* operasi yang perlu diikuti. Kajian yang dilakukan Zeldin et al. (2000) mendapati golongan dewasa kadangkala tidak responsif terhadap sumbangan belia atau cuba menggunakan terlalu banyak kawalan ke atas proses-proses pembuatan keputusan. PBM bukan merupakan sebuah institusi yang membolehkan sesuatu keputusan dibuat diberi perhatian dan tindakan segera oleh pihak yang berkenaan.

Perwakilan melihat wujudnya persepsi negatif masyarakat dewasa terhadap usul yang dicadangkan. Persepsi negatif dewasa dilihat berlaku akibat salah faham dalam konsep pelaksanaan PBM dan peranan media yang dilihat lebih memberi tumpuan kepada sebahagian isi perbincangan dan bukan hasil akhir persidangan. Hasil temubual bersama R1 dan R2 menjelaskan perkara ini berlaku.

“Bagi saya respon dewasa dua dua...kalau dia sinis dia tak faham, biasanya yang faham depa akan sokongla tapi yang tak paham, tu biasala dia akan sinisla, dia tak faham apa fungsi, peranan takdela parlimen belia ni *perfect* sangat, Ala Parlimen Malaysia pun bukan *perfect* sangat” (R1)

“Ikut perspektif sebab tak faham atau salah tanggap... macam usul dadah sebenarnya nak cadang bagi kuasa pada AADK ... tapi wartawan ambil *angle* lain separuhje. Bila bahas tu adela sentuhkan isu dadah... ada *certain* negara dadahni ubat...so bila dewasa ni baca bincang benda macamni pastu keluaran kenyataan macamni...Orangpun salah persepsi” (R2)

Seterusnya seramai 50 orang responden (48.1%) bersetuju bahawa memberi fokus kepada jawatankuasa yang diwakili merupakan cabaran yang perlu dilalui diikuti 26 orang (25.0%) sangat setuju berkaitan pernyataan tersebut. Komitmen kepada jawatankuasa dilihat menjadi halangan kepada perwakilan untuk membawa usul atau cadangan di luar konteks jawatankuasa yang diwakili. Peluang mencadangkan usul di luar bidang jawatankuasa dilihat hanya boleh dilakukan oleh perwakilan yang mewakili jawatankuasa berkenaan. Walau bagaimanapun, persidangan PBM membenarkan cadangan dikemukakan dan bantahan dibuat kepada usul jawatankuasa yang lain.

Masa atau penjadualan persidangan yang ditetapkan oleh sekretariat juga merupakan antara cabaran yang dihadapi. Seramai 42 orang responden (40.4%) setuju dan 25 orang (24%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Jadual persidangan yang hanya membenarkan empat usul sahaja (2 hari) pada satu sesi persidangan dilihat membataskan lebih banyak usul untuk dibahaskan. Cabaran dari segi masa penjadualan ini dilihat selari dengan dapatan Fox, Tarifa dan Machtmes (2008) dalam kajian berkaitan suara belia dalam proses pembuatan keputusan program 4-H yang mendapati bahawa masa dan penjadualan program adalah antara halangan suara belia dalam proses pembuatan keputusan. Penjadualan persidangan yang dibuat oleh pihak sekretariat dibuat

berdasarkan kepada kekosongan penggunaan Dewan selepas selesai sesi persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Bangunan Parlimen Malaysia. Temubual bersama R2 menjelaskan berkaitan perkara ini.

“Masa penjadualan tertakluk kepada kekosongan.dulu asalnya sembilan usul bersidang dua hari..Terlalu singkat...*Next* sidang tambah 3 hari tambah usul 15 pun sama tak jalan dan kemudian bila kaji dan *study* balik kita tetapkan 4. Speaker pun puas hati dia tak *rushing*. Penambahbaikan sentiasa berlaku...” (R2)

Perwakilan belia yang dilantik boleh dikatakan sebagai individu belia yang berpengaruh. Walau bagaimanapun berdasarkan pemerhatian didapati terdapat sebahagian perwakilan yang kurang kehadiran dalam proses penglibatan mereka. Seharusnya peluang dan ruang yang telah diperolehi digunakan sepenuhnya bagi memperkembangkan potensi belia dalam menyuarakan kepentingan golongan yang diwakili. Kenyataan daripada R2 menyokong kepada dapatan tersebut.

“Memang ada...ada yang tak cakap.. Ada yang tak kedepan... yang pasif pun ada tak dinafikan” (R2)

Seramai 41 orang (39.4%) setuju bahawa pengangkutan menghadiri sesi persidangan yang merupakan sebahagian proses pembuatan keputusan menjadi cabaran kepada mereka. Pengangkutan yang disediakan oleh pihak sekretariat berdasarkan peruntukan dan hanya disediakan dari lokasi penginapan disediakan ke Bangunan Parlimen Malaysia serta tiket penerbangan bagi perwakilan Sabah dan Sarawak. Pengangkutan dari lokasi asal perwakilan dan lain-lain urusan adalah di bawah tanggungjawab sendiri perwakilan. Kos bagi aspek pengangkutan ini dilihat turut memberi kesan kepada penglibatan perwakilan dalam pelaksanaan PBM walaupun pada tahap yang sederhana.

Berkenaan dengan kewujudan kawalan oleh pihak berkuasa dalam proses pelaksanaan PBM ini, seramai 35 orang (33.7%) setuju diikuti 23 orang (22.1%) sangat setuju. Kawalan yang wujud dilihat daripada aspek Peraturan Tetap Persidangan bagi memastikan pelaksanaan PBM ini berada dalam konteks dan ruang lingkup yang tidak membawa kepada unsur-unsur ketidakharmonian. Temubual bersama R2 telah menjelaskan berkaitan kawalan yang diwujudkan.

“Kalau yang dewan *is* dewanla kalau yang luar tu adela... Ketat tak ketat yang isunya adalah diorang takde imuniti jadi masa sidang atau bahas.. diorang tak boleh apa sesuka hati keluarkan atau sentuh isu-isu yang terlalu sensitifla” (R2)

Had usul yang boleh dibahaskan turut menjadi antara halangan dan cabaran yang dilalui. Hal ini turut berkait dengan penjadualan persidangan di mana hanya empat usul telah ditetapkan bagi setiap sesi persidangan. Had usul yang berdasarkan konteks jawatankuasa serta tapisan Jawatankuasa Usul didapati dibuat bagi memastikan isu-isu yang terlalu sensitif tidak dibahaskan. Terdapat permintaan bahawa ruang sepenuhnya perlu diberikan bagi membolehkan usul sensitif dibahaskan untuk menunjukkan kematangan perwakilan.

Aspek eksklusif atau pilih lantik dalam pelaksanaan PBM dilihat sedikit memberikan kesan dalam proses dan pelaksanaan PBM. Seramai 36 orang (34.6%) setuju dan 22 orang (21.2%) sangat setuju. Aspek eksklusif atau pilih lantik di dalam PBM hanya berlaku pada perwakilan yang dikategorikan sebagai lantikan YB. Menteri. Namun, sebahagian perwakilan dilihat tidak menganggap ianya sebagai masalah dalam pelaksanaan PBM ini seperti dinyatakan oleh R1. Berdasarkan pemerhatian, lantikan menteri ini dibuat bagi mengimbangi ketidakseimbangan perwakilan seperti populasi kaum dan juga golongan belia OKU yang perlu diwakili. Aspek ini didapati akan tetap dilaksanakan seperti yang dijelaskan oleh R2 pada sesi temubual yang dilakukan.

“Aspek eksklusif atau pilih lantik bagus bagi saya untuk selesaikan isu beberapa perkara sebab ni adalah satu program...bagi saya untuk melantik untuk menyeimbangkan beberapa perkara tak seberapa nak seimbang, lelaki perempuan, bangasa, kaum, OKU dan sebagainya... bagi saya perlu dan benda tu tak perlu jadi isu pun” (R1)

“Pilih lantik sebab nak seimbangkan yang cukup... populasi lelaki perempuan, OKU.. memang akan ada.. yang baru ni pun” (R2)

Analisis seterusnya mendapati pengetahuan dan pengalaman yang terbatas sedikit memberi kesan terhadap penyertaan dan penglibatan belia dalam proses pembuatan keputusan melalui PBM ini. Perwakilan yang tidak mempunyai latar belakang atau pengalaman dalam organisasi persatuan ataupun pertubuhan belia dilihat menghadapi sedikit kesukaran kerana proses pelaksanaan PBM ini melibatkan proses organisasi belia seperti mesyuarat, perbincangan dan cadangan serta pembuatan keputusan yang pada kebiasaannya diperolehi melalui pengalaman dalam aktiviti organisasi. Kekurangan dalam aspek pengetahuan terbatas ini dijelaskan R1 dalam temubual yang dijalankan.

“Dalam hal ni dia akan berlaku secara natural...mungkin pada peringkat awal dia bercakap ikut kepala otak dia jela...retorik, perasaan dia, tapi apabila mereka dibantah dan diberikan pandangan berbeza dengan fakta maka dia akan diberikan kesedaran secara langsung jangan bercakap tanpa fakta” (R1)

Kuota penyertaan yang dihadkan memberikan kesan terhadap penyertaan mereka di dalam pelaksanaan PBM. Status kuota penyertaan dilihat sedikit memberi kesan kerana komposisi 133 perwakilan pada sesi ini dilihat masih agak kurang dan boleh dipertingkatkan dalam menyediakan ruang dan peluang menyuarakan pandangan serta penglibatan dalam proses pembuatan keputusan melalui platform PBM.

Beberapa cadangan telah dikenalpasti bagi memperkasakan PBM sebagai *platform* penglibatan belia dalam proses pembuatan keputusan di Malaysia. Promosi berkaitan pelaksanaan PBM perlu diperluaskan bukan sahaja kepada usaha advokasi dan menggalakkan keterlibatan belia mendaftar untuk menjadi pemilih ataupun perwakilan tetapi mengambil kira hebahan terhadap usul-usul yang diluluskan dan tindakan serta maklumbalas kerajaan terhadap usul juga dilihat memainkan peranan. Penggunaan medium yang lebih meluas serta kerjasama lain-lain agensi kerajaan seperti Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pendaftaran Negara dilihat boleh membantu dari segi pendaftaran pemilih belia. Pertimbangan boleh diberikan bagi pelaksanaan program yang membincangkan berkaitan usul-usul persidangan diluluskan. Ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada hebahan dan promosi tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan. Portal Parlimen Belia yang diwujudkan perlu dikukuhkan dan akses capaian disebar luas kepada masyarakat dan semua pihak yang berkepentingan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan PBM ini.

Populasi perwakilan dilihat perlu ditambah dan aspek berdasarkan kuota belia perlu dipertimbangkan semula bagi membolehkan lebih ramai suara perwakilan belia yang mewakili peringkat akar umbi dibawa ke dalam pelaksanaan PBM. Kuota perwakilan berdasarkan perwakilan Parlimen Malaysia boleh dipertimbangkan dalam usaha meningkatkan jumlah keterlibatan belia melalui Platform PBM. Pemilihan lebih ramai belia OKU boleh dipertimbangkan bagi memastikan suara golongan tersebut tidak diketepikan dalam pelaksanaan PBM ini. Peningkatan lebih ramai perwakilan dapat membantu untuk membolehkan penyampaian pandangan berdasarkan perspektif belia diluaskan.

Keterbukaan terhadap isu dan usul yang dicadang dilihat boleh membantu

memperkasakan proses pembuatan keputusan dalam pelaksanaan PBM. Pertimbangan boleh diberikan untuk perbincangan bagi isu-isu yang sensitif tetapi berdasarkan perspektif golongan belia. Tapisan terhadap usul harus dikurangkan. Peluang untuk menyampaikan cadangan terhadap isu sensitif dalam sudut pandangan belia dilihat boleh mendatangkan faedah untuk menunjukkan kematangan golongan belia. Keterbukaan dalam usul perbincangan secara tidak langsung dapat memberi kelebihan dan membangunkan potensi belia itu sendiri. Penambahan masa persidangan boleh dipertimbangkan bagi membolehkan lebih banyak usul dibahaskan.

Penglibatan bersama perwakilan dan agensi kerajaan dalam melaksanakan usul yang diluluskan harus dipertingkatkan bagi membolehkan golongan belia merasai sendiri sumbangan yang diberikan. Koordinasi bersama agensi-agensi berkaitan boleh dilakukan dengan kerjasama perwakilan. Maklumbalas yang dikemaskini kepada perwakilan dapat memberi kesan bahawa apa yang disampaikan kepada pihak kerajaan diambil maklum dan diberi perhatian. Peranan Sekretariat PBM boleh diperkukuhkan dengan meningkatkan sumber manusia yang ada melalui kerjasama perwakilan. Respon pantas yang diperolehi membolehkan penilaian dilakukan oleh perwakilan terhadap tindakan yang diambil oleh kerajaan. Komitmen kehadiran perwakilan juga perlu dipertingkatkan dan kaedah tindakan sewajarnya diambil pihak Sekretariat selaku urusetia pelaksanaan program.

Cadangan meletakkan PBM untuk berperanan sebagai sebuah institusi boleh dipertimbangkan bagi memperkasakan suara generasi belia di Malaysia. Meletakkan Parlimen Belia pada aras yang tinggi dan di bawah sesuatu Akta dilihat membolehkan segala isu berkaitan dana kewangan, respon tindakan ke atas usul yang dibahaskan, kelangsungan pelaksanaan program, birokrasi dan lain-lain permasalahan dapat diatasi. Pelaksanaannya pada masa ini atas dasar program dilihat perlu diperkasakan agar matlamat dan kesan tindakan yang diambil dapat dirasai.

## **KESIMPULAN**

Pelaksanaan program PBM sebagai medium menyuarakan isu dan pandangan belia terhadap kerajaan mendapati bahawa platform ini memberikan kesan yang positif terhadap pembangunan kapasiti belia dan keterlibatan belia bersama kerajaan melalui cadangan usul yang dikemukakan dan penerimaan oleh pihak kerajaan. Pelaksanaan PBM memberi kebebasan kepada perwakilan untuk mengenalpasti dan mengemukakan usul dan membincangkan isu yang memberi kesan kepada kehidupan sama ada isu negara atau antarabangsa berdasarkan pandangan belia tanpa pengaruh perbincangan dewasa yang mana hasil akhir membolehkan golongan ini membangunkan kapasiti keupayaan sendiri. Beberapa cabaran dalam pelaksanaan terutamanya aspek dana, perwakilan kurang mencukupi dalam institusi politik dan respon perlahan daripada orang dewasa harus diberikan perhatian supaya PBM menjadi lebih efisien dalam menyuarakan pandangan belia di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Berisha, F., Shtraza, I. & Hazizaj, A. 2015. Youth Participation In Politics And Decision-Making In Albania 2011-2015. Albania: Tirana.
- Brummelaar, M.D.C, Knorth, E.J, Post, W.J. Harder, A.T & Kalverboer, M.E. 2016. Space between the borders? perceptions of professionals on the participation in decision-making of young people in coercive care. *Qualitative Social Work* 0 (00): 1-20.
- Bulling, D., Carson, L., Krai, M.D., Garcia, A. & Raisio, H. 2013. Deliberation models featuring youth participation. *international Journal of Child, Youth and Family studies* 3(1): 409-432.
- Cohen, N.B, Manolson, S. & Shaw, K. 2014. Youth-led decision making in community development grants. *Youth & Society* 46(6): 819-834.



- Faulkner, M.K. 2009. Presentation and representation: youth participation in ongoing public decision-making project. *CHILDHOOD* 16(1): 89-104.
- Fauziah Ani, Asnarulkhadi Abu Samah, Ma'rof redzuan, Norbaya Ahmad. 2016. Pendekatan pendayaupayaan dalam pembangunan komuniti: satu analisa dari teori kepada praktis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 1(1): 36-44.
- Khairunesa Isa & Mohamed Azrul Syam Mohamed Yusof. 2011. Penyertaan Belia Dalam Aktiviti Gerakan Belia 4B di Komuniti Petaling Jaya Selatan, Selangor Darul Ehsan. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Sains Sosial 2011 Pembangunan Ke Arah Masa Depan Yang Mapan Anjuran Universiti Malaysia Sarawak, 20-21 Julai.
- Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. 2015, Dasar Belia Malaysia.
- Lahai, C. 2008. Promoting youth participation in key decision making processes in Sierra Leone. Retrieved May 10, 2017, from [http://epu.ac.at/fileadmin/downloads/research/rp\\_1108.pdf](http://epu.ac.at/fileadmin/downloads/research/rp_1108.pdf).
- Ricket, M. & Sheppard, M.A. 1988. Decision-making and young people. *J.Dug Education* 18(2): 109-114.
- Sekretariat Parlimen Belia Malaysia, Bahagian Pembangunan Belia, Jabatan Belia dan Sukan Negara. 2015. Laporan Pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia. Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- Turmadzi Madun. 2016. PBM suara belia negara. *KOSMO*, 25 Mei: 19.
- UK Youth Parliament. 2016. About us. Retrieved May 10, 2017, from <http://www.ukyouthparliament.org.uk/about-us/ukyp-work/>.
- United Nation. 2003. Youth participation in decision making. World Youth Reports: Retrieved May 1, 2016, from <http://www.un.org/esa/secdev/unyin/documents/ch10.pdf>.
- United Nation. 2012. United Nations youth Participation. Retrived May 1, 2016 from <http://www.un.org/esa/socdev/documents/youth/fact-sheets/youth-participation.pdf>.
- World Assembly of Youth. 2015. Youth participation in decision making. WAY Reports. Retrieved May 1, 2016 from [HYPERLINK "http://www.un.org/esa/secdev/documents/youth/fact-sheets/youth-political-participation.pdf"](http://www.un.org/esa/secdev/documents/youth/fact-sheets/youth-political-participation.pdf)  
<http://www.un.org/esa/secdev/documents/youth/fact-sheets/youth-political-participation.pdf> .
- Youth Coalition of The Act. 2010. Policy platform: youth participation in decision making. Retrieved May 2, 2016 from <http://youthcoalition.net/documents/policy/policyPlatform/PDFs/YouthParticipation-DecisionMaking-policy-platform.pdf> .}
- Zeldin, S., McDaniel, A.K, Topitzes, D. & Calvert, M. 2000. Youth in Decision-Making: A study on the Impacts of youth on Adults and organization. Madison: University of Wisconsin-Madison.

Mohd Uzaini Mohamad Sani<sup>1</sup>, Suhana Saad<sup>2\*</sup>,

<sup>1</sup> Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

<sup>2</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia\*

\*Correspondence: suhanasaad@ukm.edu.my